

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI (PELAN75)

Maklumat yang disediakan dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 24 April 2023.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah tentang produk ini?

Ini adalah polisi insurans Kemalangan Diri 24-jam seluruh dunia yang menyediakan perlindungan untuk kematian dan perbelanjaan pengebumian, atau hilang upaya kekal akibat daripada kemalangan.

2. Apakah terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, (atau semasa permohonan insurans ini) apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut perenggan 4 (1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak, ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang tidak tepat atau sudah berubah.

Anda perlu memberitahu semua fakta penting seperti pekerjaan anda, perjalanan yang dicadangkan dan tugas anda yang mungkin akan memberi kesan profil risiko dan bilangan polisi kemalangan diri yang anda telah beli dari syarikat insurans lain.

Anda juga harus mengetahui perkara berikut:

- (a) Kepentingan Pendedahan - Anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk mendedahkan semua fakta yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko ini dalam Borang Cadangan dan memastikan bahawa segala maklumat yang anda berikan adalah tepat dan betul.
- (b) Penerangan tentang perlindungan di jadual Manfaat Insurans di bawah adalah untuk rujukan ringkas yang cepat dan mudah. Terma dan Syarat terperinci boleh didapati dalam dokumen polisi. Anda boleh meminta dokumen polisi tersebut untuk meneliti Manfaat Insurans dengan lebih terperinci sebelum membeli ataupun membaca dokumen polisi yang telah dibeli dalam tempoh 15 hari "Tempoh Semakan Percuma", iaitu dari tarikh anda menerima polisi ini.
- (c) Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan versi terjemahan risalah ini tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Manfaat:

Manfaat insurans ini adalah seperti berikut:

NO.	MANFAAT	JUMLAH YANG DIINSURANSKAN (RM)
1.	KEMATIAN , jika berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Kemalangan ATAU	75,000
2.	HILANG UPAYA KEKAL , jika berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Kemalangan :	
(a).	Lumpuh sepenuhnya atau tidak siaman sepenuhnya atau kecederaan menyebabkan terlantar secara kekal; atau	75,000
(b).	Hilang menyeluruh akibat pemutusan fizikal atau hilang guna kekal dan tidak boleh pulih bagi bahagian anggota badan yang dinyatakan di bawah ini:	
i.	Hilang lengan atau tangan di pergelangan tangan – satu atau kedua-duanya; atau	75,000
ii.	Hilang kaki – satu atau kedua-duanya; atau	75,000
iii.	Hilang penglihatan sepenuhnya - satu atau kedua-dua belah mata;	75,000
3.	PERBELANJAAN PENGEBUMIAN ATAU PEMBAKARAN untuk Kematian akibat Kemalangan	1,000

Tempoh kontrak adalah selama 1 tahun. Tempoh insurans boleh diperbaharui pada setiap ulang tahun tarikh permulaan polisi dengan pembayaran premium yang ditentukan oleh kami pada masa pembaharuan. Penerangan di atas adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang dipakai terdapat dalam dokumen polisi. Anda boleh meminta untuk melihat polisi insurans sebenar sebelum anda mendaftar.

Had Pembayaran Manfaat:

Agregat kesemua peratusan yang perlu dibayar di bawah Manfaat_1 dan 2 berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan atau tahun polisi tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah asas yang diinsuranskan, yang diperuntukkan kepada orang yang diinsuranskan dalam Jadual Polisi. Sekiranya kami telah membayar sejumlah 100% Jumlah asas kepada mana-mana orang yang diinsuranskan, insurans berkenaan ini akan dibatalkan.

3. Berapa premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah sebanyak RM79.50 dan boleh dibayar melalui tunai, cek atau kad kredit.

Perlindungan insurans bagi orang yang diinsuranskan di bawah polisi ini adalah untuk tempoh satu (1) tahun.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jadual berikut menggariskan yuran dan caj yang perlu dibayar di bawah PELAN75:

DESKRIPSI	(RM)
PREMIUM	75.00
Cukai Perkhidmatan (SST kadar 6%)	4.50

DESKRIPSI	(RM)
Duti Setem (dikecualikan sehingga 2025)	-
JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR	79.50

- Cukai perkhidmatan sebanyak 6% dikenakan ke atas premium sebanyak RM75.00, iaitu RM4.50.
- Duti setem diketepikan sehingga tahun 2025.
- 25% untuk komisen perantara jika ejen dilantik.
- Rebat 25% ke atas premium dibenarkan jika polisi dibeli secara langsung dari mana-mana pejabat servis kami.

5. Sekiranya saya sudah mempunyai polisi kemalangan diri yang lain, adakah saya berhak mendapat manfaat yang sama di bawah polisi ini sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal?

Ya, anda akan dibayar sebagai tambahan kepada polisi kemalangan diri anda yang lain sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal yang tidak sengaja. Anda perlu dedahkan kepada kami butiran polisi kemalangan diri anda yang lain semasa membeli polisi ini.

6. Siapa yang Layak Memohon?

Rakyat Malaysia berumur antara 18 hingga 65 tahun.

7. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kejadian, pekerjaan dan/atau aktiviti berikut:

- (1) Risiko perang, risiko nuklear, HIV / AIDS, kecederaan diri yang disengajakan, bunuh diri, penyakit kelamin, penyakit dan/ atau keadaan yang sedia ada, melahirkan anak, keguguran dan kehamilan, kemabukan alkohol, perbuatan jenayah dan menyalahi undang-undang, dan penyakit berjangkit.
- (2) Mengambil bahagian atau terlibat dalam aktiviti berkenaan:
 - (a) Aktiviti berbahaya yang melibatkan pendakian gunung yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan pendakian lain, aktiviti luar pesisir melebihi 5km dari mana-mana pantai yang termasuk berakit, berkanu dan jeram air putih, terjun bungee, semua aktiviti udara, sebarang kegiatan dalam air yang melibatkan penggunaan udara atau gas termampat hingga kedalaman lebih daripada 18m, perlumbaan (selain daripada berjalan kaki atau berenang) atau percubaan kelajuan atau kebolehpercayaan.
 - (b) Semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan jenayah, menyalahi undang-undang atau berniat jahat, termasuk rintangan terhadap penangkapan dan menunggang atau memandu tanpa lesen memandu yang sah.

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada sampel polisi/ polisi kontrak untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu kami secara bertulis.

Jika anda membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari "tempoh semakan percuma" dari tarikh anda menerima polisi anda, kami akan mengembalikan keseluruhan premium penuh yang telah anda bayar.

Walao bagaimanapun, jika anda membatalkan polisi anda selepas "tempoh semakan percuma" selama 15 hari, kami akan membayar balik kepada anda sebahagian daripada premium untuk tempoh perlindungan yang belum tamat secara pro-rata.

9. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada alamat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua kiriman surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

10. Bagaimana saya membuat tuntutan?

Pemberitahuan tuntutan anda boleh dibuat melalui e-mel atau melalui penyerahan fizikal di ibu pejabat kami, mana-mana cawangan kami atau ejen insurans anda.

Dokumen tuntutan yang diperlukan adalah: -

- (i) Untuk tuntutan kematian: -
 - Borang tuntutan;
 - Sijil kematian;
 - Laporan polis;

- Laporan Post-Mortem dan Toksikologi;
- Salinan Lesen Memandu (Untuk kemalangan melibatkan kenderaan bermotor sahaja).

Tuntutan akan diproses dalam tempoh lima (5) hari kerja, sebaik sahaja kami menerima pemberitahuan tuntutan dan dokumen sokongan lengkap anda diberikan kepada kita.

(ii) Untuk tuntutan hilang upaya kekal: -

- Borang tuntutan;
- Laporan perubatan oleh doktor yang merawat anda.

Tuntutan akan diproses dalam tempoh tujuh (7) hari kerja, sebaik sahaja kami menerima pemberitahuan tuntutan dan dokumen sokongan lengkap anda.

Nota: Kami mempunyai hak untuk meminta dokumen tambahan jika perlu.

11. Apakah jenis perlindungan insurans kemalangan diri yang lain yang terdapat di The Pacific Insurance Berhad?

Jenis perlindungan insurans kemalangan diri yang lain boleh didapati di laman web kami di <https://www.pacificinsurance.com.my/products/personal-accident/>.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, sila hubungi: -

The Pacific Insurance Berhad.

40-01, Q Sentral, 2A, Jalan Stesen Sentral 2, KL
Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-26338999 Fax: 03-26338998 Toll Free line: 1800 88 1629

Email: customerservice@pacificinsurance.com.my

Website: www.pacificinsurance.com.my

13. Peniktirafan

Saya / Kami mengakui bahawa terma kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya / kami.

.....

Tandatangan

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA SKALA PAMPASAN BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN EJEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam Risalah Pemeritahuan Produk adalah sah dari 24 April 2023.